



Rujukan : UKM PDF/224/3  
Tarikh : 2 Zulhijjah 1438H  
24 Ogos 2017

PEKELILING JABATAN PENDAFTAR BIL. 8/2017

DEKAN/PENGARAH/KETUA/PENGETUA  
FAKULTI/INSTITUT/PUSAT/JABATAN/KOLEJ KEDIAMAN  
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

YBhg. Prof. Ulung/ Prof./Datuk/Datin/Tuan/Puan,

CUTI TANPA REKOD SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan memaklumkan bahawa selaras dengan pengumuman YAB Perdana Menteri pada 16 Mei 2017, Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) Bil. 9/2017 bertarikh 8 Ogos 2017 telah bersetuju meluluskan pemberian satu (1) hari Cuti Tanpa Rekod kepada pegawai kelahiran Sabah atau Wilayah Persekutuan Labuan untuk menyambut Pesta Kaamatan pada 30 Mei atau 31 Mei setiap tahun. Manakala bagi pegawai kelahiran Sarawak diluluskan pemberian satu (1) hari Cuti Tanpa Rekod untuk menyambut Hari Gawai pada 1 Jun atau 2 Jun setiap tahun.

3. Sesuai dengan kelulusan MPU tersebut, pemberian Cuti Tanpa Rekod ini diperincikan khusus kepada pegawai kelahiran Sabah, Wilayah Persekutuan Labuan dan Sarawak yang terdiri daripada kaum Iban, Dusun, Kadazan atau lain-lain kaum yang meraikan Pesta Kaamatan dan Hari Gawai di Malaysia.

4. Bersama-sama ini dilampirkan Carta Alir Permohonan Cuti Tanpa Rekod Sempena Pesta Kaamatan dan Hari Gawai untuk perhatian dan hebahan kepada semua staf di Pusat Tanggungjawab YBhg. Prof. Ulung/ Prof./Datuk/Datin/tuan/puan.

5. Sebarang maklumat lanjut, YBhg. Prof. Ulung/ Prof./Datuk/Datin/Tuan/Puan boleh menghubungi Puan Siti Nora Mhd Isa di talian 03-8921 3327 / e-mel :sitinora@ukm.edu.my atau Cik Marsitah Mohd Razali di talian 03-8921 5401 / e-mel : shitah@ukm.edu.my, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar.


Sekian, terima kasih.

*'Optimumkan Sumber, Maksimumkan Produktiviti'*

Salam hormat,



ABD RAZAK HUSSIN  
Pengarah Eksekutif Pentadbiran



MS ISO 9001:2008 Cert. No. : AR 5779

BAHAGIAN SUMBER MANUSIA, JABATAN PENDAFTAR

Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

Telefon: +603-892 3327/5401 Faksimili: +603-8925 2882 Mel-e: [sitinora@ukm.edu.my](mailto:sitinora@ukm.edu.my) Laman Web: <http://www.ukm.my/pendaftar>

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Akademik dan Antarabangsa)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Penyelidikan dan Inovasi)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Pelajar dan Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Hal-Ehwal Jaringan Industri dan Masyarakat)

**CARTA ALIR PERMOHONAN CUTI TANPA REKOD  
SEMPENA PESTA KAAMATAN DAN HARI GAWAI**

